



Ruj. Kami : ME-XU/LEP/2021

Tarikh :

Nama Sekolah :

Kod Sekolah :

Tuan / Puan,

**PER: PERLAKSANAAN PROGRAM “XUsed LEARN & EARN” DAN PENGGUNAAN APLIKASI ME12PAY UNTUK PELAJAR DAN GURU SECARA DIGITAL UNTUK SEKOLAH**

Kami merujuk kepada perkara di atas dan dengan sukacitanya ingin melaksanakan Program:

- “XUsed-ME12PAY Learn & Earn” (Program XUsed-ME12PAY) untuk aktiviti kitar semula
- Aplikasi ME12PAY untuk Rekod Kehadiran
- Aplikasi ME12PAY untuk Sistem Tanpa Tunai
- Aplikasi ME12PAY untuk Perpustakaan Sekolah

**1. Para Pihak**

**1.1 XUsed-ME12PAY Worldwide Solutions Sdn Bhd (No. Syarikat: 1303230-T) Bersama ME12PAY DIGITAL SDN BHD (Company No.: 1270498-M)**, syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai ibu pejabat di 2-19-01 Worldwide @ 7, Jalan Lazuardi 7/29, Section 7, 40000 Shah Alam, Selangor. (“ME12PAY/XUsed-ME12PAY”)

**1.2 Sekolah :**

**Kod Sekolah :**

**Alamat :**

**2. Kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

KPM telah memberi kelulusan kepada XUsed-ME12PAY dalam pelaksanaan Program XUsed-ME12PAY untuk semua sekolah di peringkat kebangsaan di Malaysia dengan suratnya (ruj: KPM.600-8/2/7 Jld. 7 (43)) bertarikh 22 Nov 2019 (Surat Kelulusan KPM). Salinan Surat Kelulusan KPM dengan ini dilampirkan sebagai Lampiran A di sini.

**3. Perkhidmatan Dan Peralatan Yang Disediakan Di Bawah Program XUsed-ME12PAY**

**3.1 Kutipan Bahan Kitar Semula**

XUsed-ME12PAY akan membuat kutipan bahan kitar semula seperti yang berikutnya daripada pelajar dan/atau guru Sekolah di bawah Program XUsed-ME12PAY:

- i) Kertas
- ii) Auminium
- iii) Tin
- iv) Minyak Masak Terpakai
- v) Plastik

Salinan butiran Program XUsed-ME12PAY dengan ini dilampirkan sebagai Lampiran B di sini.



### **3.2 Perkhidmatan Dan Peralatan**

XUsed-ME12PAY juga akan menyediakan peralatan dan perkhidmatan berikutnya kepada Sekolah secara tanpa kos kepada Sekolah:

- i) 1 unit Mesin Timbang Digital;
- ii) Beg Jumbo (jika diperlukan);
- iii) Poster;
- iv) Taklimat mengenai Kitar Semula dan Perlindungan Alam Sekitar;
- v) Bantuan dan latihan oleh Kakitangan XUsed-ME12PAY yang dilantik; dan
- vi) Pengangkutan untuk kutipan bahan kitar semula pada waktu yang dijadualkan.

Untuk mengelakkan keraguan, butiran yang dinyatakan di atas dalam Klausula 3.2 (i) hingga (vi) adalah hanya digunakan untuk Program XUsed-ME12PAY sahaja.

### **4. Bantuan Oleh Sekolah Di Bawah Program XUsed-ME12PAY**

Pihak Sekolah akan memberikan bantuan berikutnya kepada XUsed-ME12PAY:

- i) Menetapkan dan memaklumkan kepada pihak XUsed-ME12PAY Hari Kutipan mengikut jadual yang diberikan oleh pihak XUsed-ME12PAY;
- ii) Pada Hari Kutipan, pihak Sekolah akan meminta guru, pelajar atau kelab untuk membantu XUsed-ME12PAY dalam kutipan bahan kitar semula termasuk memasukkan data transaksi ke dalam Sistem XUsed-ME12PAY;
- iii) Membenarkan XUsed-ME12PAY serta rakan bersekutunya untuk melaksanakan sistem pembayaran tanpa tunai di kawasan Sekolah termasuk dan tidak dihadkan kepada kantin, kedai buku dan koperasi; dan
- iv) Membenarkan pekerja XUsed-ME12PAY untuk mengadakan perbincangan dan taklimat mengenai kitar semula dan perlindungan alam sekitar dari semasa ke semasa pada masa yang sesuai dan diluluskan oleh Sekolah.

### **5. Pembayaran Yuran 20% Kepada Sekolah**

XUsed-ME12PAY akan membuat bayaran Yuran kepada pihak Sekolah untuk bantuan yang diberikan oleh pihak Sekolah seperti yang dinyatakan Klausula 4 di atas. Yuran tersebut adalah 20% daripada jumlah yang perlu dibayar oleh pihak XUsed-ME12PAY untuk kutipan bahan kitar semula daripada Sekolah di bawah Program XUsed-ME12PAY.

Yuran tersebut hendaklah dibayar ke akaun yang ditetapkan oleh Sekolah secara bulanan pada atau sebelum akhir bulan berikutnya.

### **6. Program XUsed-ME12PAY Di Kawasan Sekolah**

Program XUsed-ME12PAY akan dijalankan secara eksklusif di dalam kawasan Sekolah sahaja untuk memastikan keselamatan semua pihak.



**7. Kerahsiaan / Maklumat Sulit**

Pihak XUsed-ME12PAY akan menganggap sebagai sulit maklumat peribadi yang diperolehinya daripada pihak Sekolah atau mana-mana pihak lain yang berkaitan dengan Program XUsed-ME12PAY ini dan untuk menggunakan maklumat tersebut semata-mata untuk tujuan Program XUsed-ME12PAY atau mana-mana bahagiannya atau sekiranya dikehendaki oleh pihak Kerajaan/Berkuasa.

**8.** Kami amat berterima kasih atas persetujuan pihak Sekolah untuk menyertai Program XUsed-ME12PAY ini. Sila hubungi kami di talian 1300-88-7977 sekiranya terdapat sebarang pertanyaan.

Sekian.

Yang benar,

**ADILLAH BIN ABU SAMAH**  
*Ketua Pengawai Eksekutif*

---

**PENGAKUAN**

Saya, bagi pihak .....  
bersetuju untuk menyertai Program XUsed-ME12PAY Learn & Earn tertakluk kepada terma seperti yang tersebut di dalam surat ini.

\_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_



# XUSED WORLDWIDE SOLUTIONS SDN BHD

(1303230-T)

## ME12PAY DIGITAL SDN BHD

(1270498-M)

2-19-01 Worldwide @ 7, JalanLazuardi 7/29, Section 7,  
40000 Shah Alam, Selangor, Malaysia,

Tel: 03 - 5569 7977 Fax: 03 - 5569 9877

### LAMPIRAN A

Surat Kebenaran KPM (ruj: KPM.600-8/2/7 Jld.7(43)) bertarikh 22 Nov 2019



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN  
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E  
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302  
Faks : +603-8886 9560  
Website : http://www.moe.gov.my/

Ruj. kami:KPM.600-10/22/6 Jld.83(100)  
Tarikh : 08 Mac 2019

YBhg. Dato' Sri Hj. Ahmad Sukimi bin Ibrahim  
Pengerusi Eksekutif  
XUsed Worldwide Solutions Sdn. Bhd  
Unit 03-02, Tower 3, UCA Business Park  
No. 1, Jalan Pengalucara U1/51A, Seksyen U1  
40150 Shah Alam, Selangor

YBhg. Dato' Sri,

#### KEBENARAN PELAKSANAAN PROGRAM "XUSED-LEARN & EARN" UNTUK SEKOLAH DI PERINGKAT KEBANGSAAN

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia tiada halangan kepada pihak XUsed Worldwide Solutions Sdn. Bhd untuk melaksanakan Program "Xused-Learn & Earn" untuk sekolah di peringkat kebangsaan seperti yang dinyatakan dalam surat permohonan.

2. Kelulusan ini juga tertakluk kepada Surat Pekeliling lhtstias (SPI) Bil. 5/2018 - Garis Panduan Perwakilan Kuasa daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru kepada Pendaftar bagi Kelulusan Permohonan oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Dato' Sri perlu mengadakan perbincangan dengan Pengarah Pendidikan Negeri yang terlibat untuk mendapatkan pandangan dan kaedah yang terbaik serta kelulusan untuk menjalankan program seperti yang dimohon memandangkan sekolah dan murid tersebut adalah di bawah kawalan dan pentadbiran negeri berkenaan di samping mematuhi syarat-syarat berikut:

- 3.1 Mendapat kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri dan Guru Besar/Pengteta sekolah-sekolah yang terlibat;
- 3.2 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunakan bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan takjaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.3 Penyerahan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 3.4 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan, kebajikan kerahsiaan maklumat murid dan guru yang terlibat dengan program ini;
- 3.5 Murid-murid, guru-guru, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;

Sila catatkan rujukan Pejabat ini apabila berhubung

#### KEBENARAN PELAKSANAAN PROGRAM "XUSED-LEARN & EARN" UNTUK SEKOLAH DI PERINGKAT KEBANGSAAN

KPM.600-8/2/7 Jld. 7 (43) Tarikh : November 2019

6. Bagi perkara 4.2 dan 4.3 seperti yang terkandung dalam surat YBhg. Dato' Sri, perkara tersebut perlu dikemukakan secara berasingan dan memerlukan penelitian serta ulasan oleh bahagian-bahagian KPM yang berkaitan.

7. Kelulusan ini (Kebenaran Pelaksanaan Program "Xused-Learn & Earn" untuk Sekolah di Peringkat Kebangsaan) hanya untuk tujuan program kitar semula sahaja dan akan luput selepas tarikh 31 Disember 2020.

Segala perhatian pihak YBhg. Dato' Sri berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

( Dr. AHMAD RAFEE BIN CHE KASSIM )  
Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
merangkap Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Sektor Operasi Sekolah)  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
PP2/SPDP/NOV2019

- s.k. 1. Setiausaha Sulit Kanan  
Kepada YB Menteri Pendidikan
2. Semua Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri

#### KEBENARAN PELAKSANAAN PROGRAM "XUSED-LEARN & EARN" UNTUK SEKOLAH DI PERINGKAT KEBANGSAAN

Ruj. Kami:KPM.600-10/22/6 Jld.83(100)

Tarikh: 08 Mac 2019

- 3.6 Penyerahan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;
- 3.7 Guru-guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid-murid ke program berkenaan;
- 3.8 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;
- 3.9 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, guru dan murid yang terlibat;
- 3.10 Penganjur dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut; dan
- 3.11 Kementerian Pendidikan Malaysia berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

4. Kelulusan ini (Kebenaran Pelaksanaan Program "Xused-Learn & Earn" Untuk Sekolah Di Peringkat Kebangsaan) hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan luput selepas tarikh **22 November 2019**.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

MOHD JAMIL BIN MOHAMED  
b. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Sektor Operasi Pendidikan)  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k. Semua Pengarah Pendidikan Negeri  
Jabatan Pendidikan Negeri

PP2/SPDP/NOV2019



## LAMPIRAN B

### BUTIRAN PROGRAM XUsed-ME12PAY “LEARN & EARN”

A) Program XUsed-ME12PAY adalah program ko-kurikulum sekolah yang memberi nilai kewangan daripada kutipan barang kitar semula dengan kadar seperti berikut:

- a) Kertas – RM0.12/KG
- b) Aluminium – RM1.20/KG
- c) Tin – RM0.22/KG
- d) Minyak Masak Terpakai – RM1.00/KG
- e) Plastik – RM0.10/KG

***Pihak XUsed-ME12PAY berhak untuk membuat pindaan kepada jenis barang dan kadar di atas dengan memberikan notis secara bertulis kepada pihak Sekolah.***

#### B) Proses Program XUsed- ME12PAY

1. XUsed-ME12PAY menyediakan peralatan dan latihan Program XUsed-ME12PAY seperti:
  - a) 1 unit Mesin Timbang Digital;
  - b) Beg Jumbo (jika diperlukan);
  - c) Poster;
  - d) Taklimat mengenai Kitar Semula dan Perlindungan Alam Sekitar;
  - f) Bantuan dan latihan oleh Kakitangan XUsed-ME12PAY yang dilantik; dan
  - e) Pengangkutan untuk kutipan bahan kitar semula pada waktu yang dijadualkan.
2. Setelah menjalani latihan, guru/pelajar yang terlibat akan membawa barang kitar semula ke sekolah untuk memulakan Program XUsed-ME12PAY bersama guru ko-kurikulum/kelab/persatuan sekolah yang akan mengendalikan Program XUsed-ME12PAY.
3. Pihak Sekolah akan menetapkan satu tarikh yang sesuai untuk aktiviti kutipan x barang-barang kitar semula dijalankan. Pada hari tersebut, pelajar-pelajar akan membawa barang-barang yang di senaraikan di atas untuk kutipan XUsed-ME12PAY. Barang-barang tersebut akan di timbang mengikut jenis-jenis barang dan mengikut timbangan dalam kilogram.



4. Setelah barang kitar semula (seperti tersenarai dalam Item A di atas) di timbang, wakil guru/kelab/persatuan akan:

#### **4.1 Secara Manual**

Memasukkan data timbangan ke dalam buku resit yang mengandungi maklumat seperti nama peserta (guru/pelajar yang membawa barangan kitar semula), kelas, jenis barang dan berat (kg) untuk dijadikan bukti dan simpanan untuk memudahkan proses pembayaran; atau

#### **4.2 Secara Digital**

Memasukkan data timbangan terus ke dalam Sistem XUsed-ME12PAY.

5. Barang-barang kitar semula yang telah ditimbang akan dikumpulkan di satu Kawasan di dalam Sekolah dan akan diambil oleh pihak XUsed-ME12PAY pada hari kutipan tersebut bagi mengelakkan longgokan sampah di kawasan sekolah. Barang-barang kitar semula tersebut juga adalah milikan XUsed-ME12PAY dan tidak boleh diambil oleh pihak lain.
6. Untuk barang-barang kitar semula yang dikutip dan dimasukkan data ke dalam Sistem XUsed-ME12PAY dan juga disahkan oleh pihak XUsed-ME12PAY, pihak XUsed-ME12PAY akan membuat bayaran kepada setiap peserta (guru/pelajar yang menghantar barang kitar semula untuk kutipan XUsed-ME12PAY) mengikut jenis, berat dan kadar yang tersenaraikan di atas.
7. Bayaran akan dibuat oleh XUsed-ME12PAY secara “tanpa tunai” dan dimasukkan ke dalam Kad QR guru/pelajar pada atau sebelum akhir bulan berikutnya.
8. Setiap guru/pelajar yang menyertai Program XUsed-ME12PAY akan diberi satu Kad QR untuk tujuan pengenalan dan pembayaran wang dari kutipan barang kitar semula.